

# LAWATAN KEBAJIKAN TUDM KEPADA ANGGOTA

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4280-lawatan-kebajikan-tudm-kepada-anggota-4](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4280-lawatan-kebajikan-tudm-kepada-anggota-4)

TANJUNG BUNGAH, 19 Dis 18 - Pegawai Memerintah Institut Kepimpinan Dan Pengurusan (INSKEP), Lt Kol Nurul Amir bin Othman TUDM dan Pengerusi BAKAT INSKEP, Puan Noorhafiza binti Haji Zainol serta ahli-ahli BAKAT INSKEP telah membuat lawatan kebajikan di Hospital Pantai, Sungai Petani iaitu F/Sjn Mahendra Rao a/l Subramaniam. Anggota tersebut baru menjalani pembedahan pengeluaran Batu karang.



Dalam masa yang sama lawatan kebajikan diteruskan dengan melawat anak Kpl U Mohamad Azaham bin Maarof di Hospital Metro, Sungai Petani Selatan yang mengalami demam panas. Lawatan diteruskan di Hospital Gleneagles, Pulau Pinang dengan melawat anak kepada Kpl U Muhammad Taufik bin Mohd Bakri kerana mengalami demam panas. Kami warga INSKEP mendoakan semoga anggota dan ahli keluarga cepat sembuh dan dipermudahkan segala urusan oleh ALLAH SWT.



